

Sebahagian besar penuntut
tidak setuju tindakan PMUM

MAHATHIR SOKONG GANTUNG PMUM

MENTERI Pelajar-an, Dr. Mahathir Mohamad menyokong penuh tindakan Majlis Universiti Malaya menggantung aktiviti-aktiviti persatuan mahasiswa universiti itu (PMUM).

"Saya menyokong penuh tindakan majlis itu kerana ia merupakan badan berkecual yang telah menjalankan tanggungjawabnya berlandaskan perlembagaan," tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, PMUM seharusnya digantung bagi membolehkan pecubuhan Badan Pemulihan Sementara untuk menjamin kebajikan pelajar-pelajar

27 SEP 1974
KUALA LUMPUR
26 SEPT.

kerana masih terdapat suasana yang tidak tenang ketika ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas menerima sekeping cek bernilai \$10,000 dari Dunlop Malaysian Industries Berhad di pejabatnya di sini beliau berkata:

"Kerajaan tidak akan bertindak menutup Universiti Malaya melainkan ia benar-benar perlu."

Cek tersebut disampaikan oleh Pengerah Urusan Dunlop, Tengku Ahmad Yahya bertujuan untuk meniggikan muu permainan badminton di sekolah-sekolah seluruh negara.

Dr. Mahathir berkata, sebahagian besar penuntut

tidak bersetuju dengan tindakan PMUM membentuk Majlis Tindakan Sementara (MTS) dan mengambil alih pentadbiran universiti.

Ini jelas menunjukkan pimpinan PMUM tidak lagi mendapat sokongan sebahagian besar dari para pelajar.

Tindakan terakhir PMUM menggesa semua penuntut supaya memulaukan kuliah dan tutorial, juga tidak mendapat sambutan, ini juga menunjukkan PMUM tidak lagi diterima oleh sebahagian besar penuntut.

Beliau juga tidak nampak mengapa penuntut mesti memulaukan kuliah kerana pihak Majlis Tertinggi Nasionalis (MTN) menyerahkan kuasa kepada pentadbir dan juga Rumah Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya yang didudukinya.

67
Ditanya mengenai adanya tuduhan yang mengatakan peristiwa yang berlaku di universiti tersebut dipengaruhi dari luar Dr. Mahathir berkata:

"Apa yang nyata ialah perkara ini timbul bersabit pembinaan rumah haram di Johor. Perkara ini cuba diperjuangkan oleh Parti Rakyat, kemudian diikuti oleh PMUM dan Kelab Sosialis.

"Tidak dapat dinafikan kedua ini ada hubungan."

Serious

Katanya, beliau sendiri tidak mahu campurtangan kerana tidak mahu terlibat kerana beliau sendiri telah dituduh berat sebelah.

Dr. Mahathir berkata beliau memandang campurtangannya adalah tidak diperlukan kerana keadaan tidakian begitu serious.

Walau bagaimanapun beliau akan bertindak jika keadaan menjadi serious, misalnya berlaku kekerasan atau huru-hara.

Katanya pihak majlis universiti sedang berusaha memulihkan keadaan mengikut kuasa-kuasa yang ada dalam perlembagaan universiti itu.

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 5)

Masih ditutup kepada ramai

DARI MUKA 1

Pihak universiti juga sedang mencari jalan supaya kedua-dua pihak yang bertentangan di universiti tersebut dapat bekerjasama.

Bellau menyesali jika benar laporan berita yang mengatakan ada tutor dan pensyarah yang turut terlibat dalam peristiwa di universiti itu dengan menyebelahi sesuatu golongan penuntut.

Katanya, tutor dan pensyarah adalah pegawai-pegawai universiti oleh itu mereka tidak boleh mengambil bahagian dalam masalah yang melibatkan penuntut-penuntut.

Sementara itu Universiti Malaya masih lagi ditutup kepada orang ramai walaupun keadaan di kampus dilaporkan tenang.

Anggota - anggota Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dan Pasukan Polis Hutan

masih mengadakan kawalan ketat di kedua-dua pintu masuk ke kampus.

Hanya kakitangan dan para pelajar universiti dibenarkan masuk.

Seorang jurucakap universiti berkata keadaan di kampus tenang dan telah pulih seperti sediakala.

Majlis Universiti Malaya akan mengadakan mesyuarat esok bagi menentukan kedudukan Persatuan Mahasiswa Universiti itu (PMUM) yang digantung sejak kelmarin.